

Meneroka Sikap dan Motivasi Murid Rendah Pencapaian Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes di FELDA

Siti Nazurana Konaen^{1*}, Fadzilah Abd Rahman² & Samsilah Roslan³

^{1,2} Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

³ Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRAK

Murid rendah pencapaian terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di FELDA berpotensi untuk tercicir dalam pelajaran. Sehubungan dengan itu, pandangan sebenar murid rendah pencapaian Bahasa Melayu, guru, dan ibu bapa perlu diteliti dalam meneroka sikap dan motivasi yang mempengaruhi permasalahan literasi membaca. Bagi mencapai matlamat ini, satu kajian kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes pelbagai lokasi telah dilaksanakan menggunakan kaedah pengumpulan data temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian. Manakala, kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian pula dicapai melalui teknik triangulasi serta penyemakan semula data oleh peserta kajian. Melalui penggunaan teknik persampelan bertujuan ini, seramai lima belas peserta kajian telah dipilih. Manakala teori pembelajaran Behaviorism Bandura digunakan untuk menyokong dapatan kajian. Dapatan kajian menunjukkan faktor sikap dan motivasi seperti sikap kerajinan murid, kesyukuran atas nikmat yang diberi, minat terhadap buku akademik, tumpuan dan perhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran serta faktor motivasi belajar dikenal pasti menyumbang kepada permasalahan literasi membaca. Kesimpulannya, sikap dan motivasi negatif yang ditunjukkan oleh murid rendah pencapaian Bahasa Melayu menjadi faktor kepada masalah literasi membaca di FELDA. Implikasi dapatan kajian ini menjelaskan bahawa, sikap dan motivasi murid rendah pencapaian yang beranggapan mereka berada dalam zon selesa perlu diatasi agar mereka lebih berdaya saing dengan murid di sekolah lain. Selain itu, sikap dan motivasi murid yang lebih positif dalam pembelajaran dan amalan membaca perlu dipupuk sedari awal dengan mengadakan lebih banyak bengkel dan program motivasi di sekolah mahupun luar sekolah. Selain dorongan dan pemupukan minat oleh guru, ibu bapa serta komuniti setempat bagi memastikan murid di FELDA mampu menguasai literasi membaca sejak di peringkat sekolah rendah serta tidak tercicir dalam pelajaran mereka.

Kata kunci: Sikap, motivasi, masalah literasi membaca, murid rendah pencapaian, Bahasa Melayu, FELDA

ABSTRACT

Low achieving students especially in Malay Language education in FELDA have the potential to not progress in education. Therefore, the views on learning Malay language from low achieving students, teachers, and parents was examined in exploring the attitudes and motivations that influence factors of students' reading literacy. To achieve this goal, a qualitative research using multi-location case study method was conducted using interview data collection methods, document analysis and observation. Whereas, the validity and reliability of the findings were obtained using triangulation technique and re-review of data. Through the use of a purposive sampling technique, fifteen study participants were selected. Meanwhile learning theory Behaviorism Bandura used to support the findings. The findings show that attitudes and motivation factors, such as student attitude, gratitude for the gift, interest in academic books, focus and attention during teaching and learning sessions and learning motivation factors were identified to contribute to this problem. In conclusion, the findings of this study explain that the negative attitude and motivation shown by low achievement students in Malay language education is a contributing factor to the reading literacy problem in FELDA. The implications of the findings explained that attitude and motivation of low achievement students by assuming that they are in comfort zone need to be overcome in order for them to become more competitive with students from another school. Therefore, students' positive attitude and motivation toward learning and reading practice should be nurtured from the beginning by organize more workshops and motivational programs in school or outside the school. Apart from encouragement and interest stimulation by teachers, parents and local

* Corresponding author: sitinazurana@gmail.com

eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

community to ensure students in FELDA are able to master the reading literacy since primary school level and not dropout in their study.

Keywords: Attitudes, motivations, reading literacy, low achievement students, Malay Language, FELDA

PENDAHULUAN

Dalam kepesatan menongkah arus teknologi maklumat dan komunikasi masa kini, bidang pendidikan masih berdepan dengan pelbagai cabaran dalam mendepani persaingan abad ke-21 terutama bagi memastikan kanak-kanak serta remaja memperoleh pendidikan asas agar golongan tersebut keluar daripada kancang buta huruf dan kemiskinan yang menjadi penyumbang utama keciciran dalam bidang pendidikan. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berusaha untuk melahirkan modal insan celik minda, minda kelas pertama dan yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Penguasaan ilmu adalah salah satu cara untuk melahirkan modal insan yang berkualiti. Ia selaras dengan dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) untuk meningkatkan kadar literasi Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan numerasi. Walau bagaimanapun, Harian Metro (2015) memaparkan dapatan kajian '*The Global Campaign for Education*' yang menyatakan bahawa, di seluruh dunia terdapat 106 juta pelajar gagal mendapat asas pendidikan yang baik, dan dianggarkan sebanyak 123 juta remaja berusia 15 hingga 24 tahun tidak berkeupayaan untuk mengusai kemahiran membaca dan menulis dan 61 peratus merupakan remaja perempuan. Masalah ketidakupayaan murid ini perlu dipandang serius oleh semua pihak kerana pencapaian akademik seseorang murid itu adalah dipengaruhi oleh kemahiran membaca yang dimiliki tidak kira murid tersebut berada di peringkat sekolah rendah maupun menengah.

Justeru, peningkatan taraf pendidikan perlu dilakukan secara menyeluruh termasuklah di kawasan luar bandar seperti FELDA (*Federal Land Development Authority*) kerana murid di FELDA sering dikaitkan dengan masalah tahap kecemerlangan akademik yang rendah (Badlihisham, et al., 2013). Walaupun pelbagai usaha dan inisiatif telah dilakukan untuk meningkatkan taraf pencapaian pendidikan generasi baharu FELDA, contohnya dengan memberi peruntukan yang besar dalam membiayai pelbagai program intervensi di semua sekolah di seluruh tanah rancangan FELDA (Noraziah Ali et al., 2010), kemahiran asas 3M masih tidak berjaya dikuasai oleh murid sehingga hari ini (Zinitulniza, 2011) dan ia menyumbang kepada masalah keciciran dan literasi membaca.

Dalam konteks kajian ini, murid rendah pencapaian Bahasa Melayu terdiri daripada murid di beberapa kawasan FELDA yang mempunyai latar belakang dan budaya yang berbeza dan sering dikaitkan dengan permasalahan literasi membaca yang menyebabkan mereka berpotensi untuk tercincir dan gagal menamatkan persekolahan sebelum tiba masanya, seterusnya negara akan kerugian sumber manusia dan modal insan pada masa hadapan jika kesan keciciran dalam pendidikan adalah tinggi (Ab. Rahim, 2008). Berdasarkan Teori *causal attributional* oleh Howard Gardner, perbezaan persekitaran dan faktor personal seperti pengetahuan, serta perbezaan individu akan mempengaruhi persepsi seseorang murid untuk berjaya dan sikapnya terhadap pembelajaran (Gardner, 1992). Oleh itu, kepelbagaiannya latar belakang murid dari beberapa gugusan FELDA didapati mempengaruhi sikap murid terhadap penguasaan bacaan dan kemahiran literasi membaca Bahasa Melayu. Manakala motivasi murid pula dirangsang oleh dua aspek yang meliputi motif dan insentif. Insentif adalah galakan yang mendesak individu berusaha untuk mendapatkan ganjaran seperti markah, gred, hadiah, sijil dan sebagainya. Manakala motif pula terdiri daripada keperluan dan dorongan. Menurut Habibah (1983) dan Nurul (2012) dalam Zaliza (2014), motif timbul daripada dorongan semula jadi atau minat yang diperoleh daripada kuasa dinamis yang mempengaruhi pemikiran, emosi dan tingkah laku.

Sikap ialah sesuatu yang abstrak dan hanya dapat dilihat atau dirasa melalui tindakan yang diambil. Ia juga mempunyai perkaitan rapat dengan pencapaian seseorang di dalam pembelajarannya. Zamri Mahamod, (2004) dalam Zaliza (2014) menyatakan bahawa menerusi penguasaan literasi membaca, sikap akan mempengaruhi sejauh mana pelajar dapat mempelajari dan menguasainya dengan cepat. Manakala faktor diri sendiri merupakan faktor yang paling mempengaruhi penguasaan murid. Jika murid memiliki sikap yang positif seperti kesedaran tentang pentingnya penguasaan literasi membaca Bahasa Melayu, maka dia akan cuba menguasai bahasa tersebut dengan pelbagai cara.

Manakala motivasi pula ialah penggerak yang melibatkan proses membangkit, mengekal dan mengawal minat (Bernard, H.W., 1965, Kamaruddin Hussin, 1993 dalam Zaliza, 2014). Motivasi sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia dapat menentukan hala tuju dan keberkesanannya. Pelajar yang bermotivasi tinggi biasanya mempunyai dorongan yang kuat dan mantap untuk terus berminat dengan apa yang disampaikan hasil dari rangsangan-rangsangan yang kuat iaitu menerusi insentif dan motif. Dalam penguasaan literasi membaca, sikap, dan motivasi adalah berkait rapat antara satu sama lain. Para pelajar yang mempunyai sikap yang positif, bersedia untuk belajar dan bermotivasi tinggi akan berjaya menguasai

bahasa sasaran dan begitulah sebaliknya. Dengan kata lain, sikap seseorang terhadap sesuatu bahasa mempengaruhi motivasinya untuk belajar bahasa tersebut (Gardner & Lambert, 1972, Zamri Mahamod, 2004 dalam Zaliza 2014).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka sikap dan motivasi murid rendah pencapaian Bahasa Melayu yang menyumbang terhadap faktor permasalahan literasi membaca di FELDA dengan menjadikan beberapa sorotan kajian lepas sebagai panduan serta menyokong penemuan dapatan kajian yang dijalankan. Memandangkan faktor individu murid merupakan antara faktor paling utama yang menyumbang terhadap permasalahan literasi membaca murid rendah pencapaian di FELDA, adalah wajar faktor ini diterokai dengan lebih mendalam terutamanya dengan mengenal pasti sikap dan motivasi murid yang mempengaruhi keupayaan amalan membaca.

Justeru, bagi meneroka faktor tersebut, kajian kualitatif satu kes pelbagai lokasi telah dijalankan untuk (1) meninjau sikap dan motivasi murid rendah pencapaian berdasarkan amalan membaca dan (2) meneroka faktor sikap dan motivasi murid yang mempengaruhi literasi membaca. Bagi menyokong kajian ini, teori pembelajaran Behaviorism, Bandura, telah digunakan oleh pengkaji untuk melihat tingkah laku murid hasil daripada hubungan di antara persekitaran dengan kognitif melalui pemerhatian terhadap tindakan yang dilakukan oleh orang lain sebagai model tindakan (Bandura, 1977; Ee Ah Meng, 1994). Melalui teori ini, pembelajaran bermula setelah murid bertindak dengan rangsangan yang diberi, namun PDP tidak berjalan lancar sekiranya murid tidak berminat membaca dan memberikan tumpuan kerana minat merupakan aspek terpenting bagi memastikan keberkesanannya proses membaca dan pembelajaran.

Adalah diharapkan agar kajian ini dapat memberikan sedikit maklumat dan gambaran berkaitan sikap dan motivasi yang ditunjukkan oleh murid rendah pencapaian yang mengalami permasalahan literasi membaca Bahasa Melayu. Secara tidak langsung, dapatan kajian ini mampu membuka mata pelbagai pihak di mana pada zaman yang serba moden dan penuh teknologi, permasalahan literasi membaca masih wujud terutamanya di kawasan FELDA. Selain itu, dapatan ini juga mampu membantu pihak sekolah untuk mengenal pasti faktor masalah literasi membaca seterusnya mengambil langkah pantas dengan menjalankan program intervensi bagi mengatasi masalah ketidakupayaan murid menguasai literasi membaca agar pencapaian akademik murid di FELDA dapat ditingkatkan.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian yang dikemukakan, beberapa persoalan kajian telah dibentuk untuk menjalankan kajian ini. Antaranya adalah:

1. Sejauhmanakah sikap dan motivasi yang tunjukkan oleh murid rendah pencapaian Bahasa Melayu di FELDA terhadap amalan membaca?
2. Bagaimanakah faktor sikap dan motivasi murid rendah pencapaian Bahasa Melayu mempengaruhi permasalahan literasi membaca?

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menerapkan pendekatan kajian kualitatif menggunakan reka bentuk satu kes pelbagai lokasi (*single case multiple site design*) dengan menggunakan kaedah temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian. Manakala, kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian pula dicapai melalui teknik triangulasi serta penyemakan semula data oleh peserta kajian. Kaedah temu bual dijalankan kepada 15 orang peserta kajian yang terdiri daripada murid rendah pencapaian, guru serta ibu bapa yang menepati ciri-ciri yang ditentukan. Proses temu bual tersebut telah dirakam dan dijalankan dalam tempoh jangka masa 40 minit sehingga satu jam setengah di mana proses ini dilakukan sebanyak tiga kali bagi setiap peserta kajian untuk mendapatkan maklumat sebenar berkenaan sikap dan motivasi murid rendah pencapaian. Setelah data temu bual diperoleh, pengkaji menjalankan proses transkripsi, seterusnya meminta peserta kajian memeriksa dan menyemak semula data transkripsi temu bual yang dibuat untuk tujuan pengesahan tentang apa yang telah dikemukakan ketika sesi temu bual dijalankan.

Selain itu, kaedah analisis dokumen pula diterapkan untuk mendapatkan maklumat rasmi iaitu rekod pengajaran guru, fail Panitia Bahasa Melayu, bahan atau buku yang digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu serta rekod pencapaian murid untuk dijadikan sokongan terhadap dapatan temu bual. Manakala kaedah pemerhatian secara umum ketika sesi temu bual, ketika peserta kajian berinteraksi dengan rakan sejawat

dan murid-muridnya turut dilakukan dijalankan untuk mendapatkan gambaran awal tingkah laku murid rendah pencapaian semasa proses PdP di dalam kelas dengan membuat catatan ringkas serta mengenal pasti perubahan perilaku murid dari aspek motivasi dan keterlibatan dalam pembelajaran mereka.

Peserta Kajian

Melalui penggunaan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*), seramai 15 orang peserta kajian dari beberapa buah sekolah rendah di kawasan FELDA yang berbeza, namun mempunyai ciri persekitaran hampir sama dan mempunyai peratusan kadar buta huruf yang tinggi dalam kalangan generasi baharu telah dipilih. Pemilihan peserta kajian yang terdiri daripada lima orang murid rendah pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu serta mempunyai masalah literasi membaca, lima orang penjaga, serta lima orang guru Bahasa Melayu adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan untuk mendapatkan maklumat yang kaya dan mendalam serta merupakan individu yang paling banyak menyumbangkan data kepada kajian (Noraini Idris, 2013).

Analisis Data

Prosedur analisis data dijalankan melalui tiga peringkat iaitu mendengar rakaman suara, transkripsi temu bual dan menganalisis data secara manual. Setiap sesi temu bual bersama peserta kajian dirakam menggunakan perakam suara setelah mendapat keizinan. Selepas itu, hasil rakaman suara di transkripsi agar proses analisis data secara manual dapat dilakukan. Setiap transkripsi temu bual pula disemak beberapa kali dan dikembalikan semula kepada peserta kajian untuk tujuan pengesahan. Setelah proses semakan tersebut selesai, proses mengenal pasti tema dan sub tema dilakukan secara manual dengan membaca transkripsi temu bual serta mencatat tema atau sub tema yang ditemui di sebelah kiri perenggan teks tersebut.

Pengkaji juga menggariskan teks tersebut dan menulis tema yang sesuai di sebelah teks yang digariskan selain menggunakan teknik berdasarkan perkataan di mana ia melibatkan pengulangan perkataan dan kata kunci. Proses mengenal pasti tema dan sub tema di atas merupakan proses pengekodan berdasarkanuraian atau dikenali sebagai *analytic coding*. Proses mengekod data ini dijalankan dengan sentiasa memastikan pengkaji menjadikan persoalan kajian sebagai asas untuk mengenal pasti tema dan sub tema. Dalam proses membaca data, teks yang berkaitan dengan persoalan kajian akan diberi perhatian dan yang tidak berkaitan akan dikeluarkan. Selain itu, para peserta kajian diberikan kod pengenalan iaitu PG1, PG2, PG3, PG4, dan PG5 untuk guru, PM1, PM2, PM3, PM4, dan PM5 untuk murid serta PIB1, PIB2, PIB3, PIB4, dan PIB5 untuk kod ibu bapa bagi tujuan kerahsiaan identiti mereka.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini membincangkan tema berkaitan sikap dan motivasi murid yang menyebabkan permasalahan literasi membaca dalam kalangan murid rendah pencapaian Bahasa Melayu di FELDA berdasarkan temu bual yang dijalankan. Faktor tersebut terdiri daripada sikap murid terhadap amalan membaca dan motivasi murid terhadap pembelajaran.

Sikap Murid terhadap Amalan Membaca

Dari aspek sikap murid terhadap amalan membaca, pengkaji telah mengenal pasti beberapa sub tema yang muncul. Tema tersebut adalah seperti berikut:

Kerajinan Murid

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa faktor kerajinan merupakan faktor utama mewakili aspek sikap murid terhadap amalan membaca. Walau bagaimanapun, murid rendah pencapaian ini tidak menunjukkan kerajinan mereka dalam pembelajaran seperti mana yang dinyatakan oleh beberapa peserta kajian.

Hal ini diakui oleh peserta kajian PG1 dan PG3 seperti dalam pernyataan berikut:

“Apa yang saya perhatikan, semasa saya mengajar murid-murid ini kurang mengambil perhatian, mereka nampak agak malas sikit ketika belajar. Jadi bila tiada penumpuan perhatian ketika saya mengajar, macam mana agaknya mereka nak faham apa yang saya ajar”

(TB1/PG1/B52)

“Kadang-kadang geram juga dengan budak-budak ni, malas buat kerja sekolah yang saya beri... Ada sahaja alasan yang mereka berikan..”

(TB3/PG3/B95)

PG1 menyatakan murid rendah pencapaian ini didapati kurang mengambil perhatian ketika beliau sedang mengajar dan murid-murid ini kelihatan sedikit malas ketika belajar. Perkara ini turut disokong oleh PG3 yang berpendapat, murid rendah pencapaian ini mempunyai sikap yang malas terutama dalam menyiapkan tugas yang beliau berikan. Keadaan ini menimbulkan perasaan geram dan marah beliau terhadap murid tersebut.

Selain itu, berdasarkan temu bual yang dijalankan juga, sikap malas murid turut dinyatakan oleh PM1 dan PM3 seperti berikut:

“Malas lah cikgu. Selalunya waktu petang lah masa untuk saya keluar ronda-ronda dengan kawan-kawan”

(TB6/PM1/B85)

“Kalau saya lewat bangun tidur, saya malas pergi sekolah sebab takut kena marah dengan cikgu”

(TB8/PM3/B71)

PIB2 dan PIB4 turut menyatakan hal yang sama tentang anak-anak mereka seperti berikut:

“Penat dah akak nak membebek. Malas, memang tak ada inisiatif nak belajar membaca dengan kakak dengan abang dia. Dia suka tengok cerita karton dekat tv”

(TB11/PIB1/B48)

“Anak mak cik ni malas sikit. Kalau tak disuruh memang tak akan gerak kerja sekolah dia”

(TB12/PIB2/B52)

“Kalau nak dibandingkan dengan kakak dia memang jauh beza. Mungkin sebab dia lelaki tu yang malas dan liat sikit bila disuruh membaca dan siapkan homework.

(TB14/P1B4/B61)

PM1 menjelaskan bahawa, beliau mempunyai sikap malas untuk menyiapkan tugas yang diberi oleh guru beliau. Hal ini kerana, waktu senggang yang dimiliki pada setiap petang rela diisi dengan keluar berjalan-jalan bersama rakan berbanding menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru semasa di sekolah. PM3 turut memaparkan sikap malas dalam pembelajarannya, di mana apabila beliau terlewat bangun tidur pada waktu pagi, beliau lebih sanggup ponteng ke sekolah kerana takut dimarahi oleh gurunya kerana terlewat ke sekolah. Penyataan di atas jelas menunjukkan, dari aspek kerajinan, didapati murid rendah pencapaian ini mempunyai sikap malas dan tidak mengambil berat terhadap pembelajaran yang boleh mendorong kepada ketidakupayaan membaca seterusnya menjadi penghalang utama kepada mereka untuk mencapai kejayaan.

Kesyukuran dengan Nikmat diberi

Seterusnya, faktor kesyukuran dengan nikmat yang diberi turut dilihat sebagai faktor utama dalam aspek sikap murid terhadap amalan membaca. Namun begitu, sikap bersyukur yang rendah di dalam kehidupan seharian murid rendah pencapaian ini dilihat apabila mereka didapati tidak menghargai ilmu yang diberikan secara percuma. Hal ini diakui oleh peserta kajian (PG1) semasa ditemu bual dijalankan.

“Kelas percuma pula dilakukan apabila guru mempunyai masa lapang dan dibuat tanpa mengharapkan sebarang bayaran atau ganjaran. Untuk tuisyen percuma, kita fokuskan kepada murid-murid yang rendah pencapaian. Tapi biasa kedatangan sedikit menghampaskan, ada murid yang datang lambat atau langsung tak datang”

(TB1/PG1/B101)

PG1 menyatakan bahawa murid rendah pencapaian ini dilihat tidak menghargai kelas percuma yang dibuat oleh guru yang ingin membantu mereka dalam pendidikan. Walaupun tiada sebarang bayaran dikenakan terhadap murid-murid ini namun kehadiran mereka ke kelas percuma ini amat mendukacitakan.

Perkara ini turut dikukuhkan lagi dengan kenyataan daripada PM2 dan PIB5 seperti berikut:

“Saya memang jarang pergi, kalau cikgu buat kelas tambahan saya masuk sekali dua je. Lagipun tuisyen tu tak berbayar cikgu, tak delah rasa rugi”

(TB7/PM2/B53)

“Jarang sangat dia pergi tuisyen itu. Dia kata kawan-kawan pun ramai tak pergi”

(TB15/PIB5/B66)

PM2 turut memperakui bahawa beliau jarang ke kelas tambahan yang dibuat oleh gurunya walaupun tiada bayaran dikenakan. Beliau menambah tidak merasa rugi walaupun tidak menghadiri kelas tersebut. Pernyataan yang dikemukakan oleh peserta kajian di atas jelas menunjukkan sikap bersyukur yang rendah ditunjukkan oleh murid.

Minat terhadap Buku Akademik

Minat murid terhadap buku akademik turut dikenal pasti sebagai faktor penyumbang permasalahan literasi. Hal ini kerana, murid rendah pencapaian menunjukkan sikap kurang minat membaca terutamanya buku akademik. Perkara ini diakui oleh peserta kajian sebagaimana yang dinyatakan di bawah.

“Di rumah anak saya lebih suka menonton televisyen, nak tengok dia baca buku memang susah”

(TB13 PIB3/B23)

“Jarang sangat baca sebab saya tidak berapa pandai membaca buku, jika membaca pun hanya surat khabar itu pun saya suka membelek di bahagian sukan dan hiburan”

(TB6/PM1/B89)

“Mestilah baca komik sebab best... Saya baca buku sekolah bila nak exam je. Hehehe

(TB8/ PM3/B85)

“Secara peribadi saya merasakan murid ini mengalami masalah literasi membaca disebabkan oleh faktor diri sendiri seperti sikap malas membaca dan kurang minat untuk belajar. Hmmm inilah yang saya sering perhatikan ketika mengajar di dalam kelas kerana terdapat perbezaan yang agak ketara antara mereka dengan murid lain yang tiada masalah ini. Murid-murid lain lebih suka membaca tidak kira ia berbentuk ilmiah ataupun tidak”

(TB7/PG2/B108)

Dapatan temu bual ini menunjukkan bahawa PIB3 mengakui semasa di rumah, anaknya lebih gemar menonton rancangan televisyen berbanding meluangkan masa untuk membaca buku terutamanya buku akademik. Hal ini diakui oleh PM3, yang menyatakan bahawa kegagalan beliau untuk menguasai kemahiran membaca dengan baik berpunca disebabkan oleh sikapnya yang kurang minat membaca. Selain itu, PM2 turut menyatakan bahawa beliau kurang berminat membaca buku-buku akademik, kerana lebih tertarik dengan bahan bacaan berunsur hiburan seperti komik. Manakala PG2 turut menyokong kenyataan ini kerana sikap murid yang kurang minat membaca terutama bahan bacaan berunsur ilmiah dapat dilihat dengan jelas seperti di dalam kenyataannya.

Minat terhadap buku akademik sangat penting untuk menyemai semangat dan keupayaan membaca kerana ia akan memudahkan seseorang itu mengalami proses pembacaannya. Namun, dapatan kajian menunjukkan murid yang menghadapi masalah literasi ini di lihat kurang berminat terhadap bahan bacaan yang berbentuk akademik dan menganggap Bahasa Melayu mudah. Dapatan temu bual yang telah dilakukan merumuskan bahawa sikap kurang minat membaca buku berbentuk ilmiah atau akademik merupakan penyumbang terhadap masalah literasi membaca dalam kalangan murid sekolah rendah luar bandar. Ini merupakan masalah besar yang perlu dipandang serius oleh guru kerana jika sikap ini tidak diatasi, maka tugas guru untuk mendidik menjadi lebih mencabar dan rumit.

Tumpuan dan Perhatian Semasa Sesi PdP

Seterusnya, sikap memberi tumpuan dan perhatian semasa sesi PdP dijalankan merupakan aspek penting terhadap amalan membaca. Walau bagaimanapun, aspek ini tidak ditunjukkan oleh murid rendah pencapaian berdasarkan temu bual yang dijalankan bersama peserta kajian terlibat. Sebaliknya, kebanyakan peserta kajian menyatakan murid-murid ini kurang mengambil perhatian semasa sesi PdP di jalankan.

PG2 yang menjelaskan murid-murid tersebut sering bermain dan berbual semasa guru sedang mengajar. Hal ini dibuktikan melalui pernyataan hasil temu bual berikut.

“Tumpuan belajar dari murid itu kurang, misalnya semasa pengajaran di bilik darjah murid-murid seperti ini kurang mengambil perhatian terhadap pengajaran yang disampaikan oleh guru. Perkara ini juga saya rasa berkait rapat dengan sikap dan tabiat belajar murid berkenaan. Sebab murid yang pandai membaca mempunyai sikap dan tabiat rajin belajar berbanding dengan murid yang lemah membaca ini. Memang sudah ditakdirkan mungkin begini keadaannya”

(TB2/PG2/ B115)

Faktor kurang memberi tumpuan semasa sesi PdP turut dinyatakan oleh peserta kajian lain seperti berikut:

“Kawan selalu ajak main, kadang-kadang cikgu marah juga”

(TB7/PM2/B93)

“Kadang-kadang saya juga tidak ambil perhatian ketika cikgu mengajar terutama ketika mengantuk”

(TB5/PM5/B80)

“Memang telah lama saya perhatikan, semasa saya mengajar mereka ini kurang memberi tumpuan. Mereka seperti berada di dalam dunia mereka sendiri, kelihatan agak malas untuk belajar dan kurang fokus. Bila keadaan ini berlaku mustahil mereka akan faham apa yang saya ajar semasa di dalam kelas dan menyebabkan mereka semakin ketinggalan”

(TB9/PG5/B55)

Berdasarkan dapatan temu bual, PM2 turut mengakui bahawa beliau kurang memberi perhatian semasa guru sedang mengajar kerana dipengaruhi oleh rakan yang mengajaknya bermain. Ini menyebabkan beliau tidak memberi tumpuan dan perhatian sepenuhnya semasa guru sedang mengajar. Selain itu, sikap ini turut diakui oleh PM4 yang menyatakan bahawa jika beliau rasa mengantuk semasa di dalam kelas, tumpuannya terhadap pengajaran guru semakin berkurangan. Dapatkan ini turut disokong oleh PG 4 yang menyatakan sikap pelajar yang kurang memberikan tumpuan dan perhatian semasa beliau mengajar menjadi punca permasalahan literasi membaca dalam kalangan murid tersebut. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa sikap negatif yang ditunjukkan oleh murid iaitu sikap kurang mengambil perhatian semasa pengajaran guru di dalam bilik darjah menjadi punca permasalahan literasi membaca berlaku dalam kalangan murid sekolah rendah luar bandar.

Motivasi Murid dalam Pembelajaran

Selain faktor sikap, faktor motivasi juga sangat penting dalam pembelajaran kerana motivasi untuk belajar merupakan aspek penting dan perlu diberi perhatian bagi memastikan kejayaan murid-murid dalam menguasai literasi membaca. Namun begitu, dapatan temu bual mendapati kebanyakan murid rendah pencapaian ini dilihat kurang bermotivasi dalam pelajaran mereka. Tahap motivasi murid untuk belajar kurang memuaskan lebih-lebih lagi apabila mereka merasakan terikat dengan peraturan dan waktu pembelajaran yang agak padat sehingga menyukarkan mereka menjalankan aktiviti sehari-hari seperti yang diakui oleh peserta kajian PG2 dan PG4 semasa ditemu bual:

“Semakin lama tahap motivasi murid di sekolah ini semakin berkurang, tidak seperti zaman dahulu.. Kalau dahulu murid sangat bermotivasi untuk menuntut ilmu dan hasilnya mereka berjaya dalam peperiksaan.. sekarang ni susah nak cakap”

(TB2/PG2/B90)

“Murid-murid ni kurang motivasi dalam pelajaran dan tidak berminat menuntut ilmu pengetahuan... Mereka gemar tidur semasa dalam kelas..”

(TB4/PG4/B117)

Dapat dilihat, situasi terkini yang berlaku dalam pendidikan di sekolah rendah luar bandar ialah tahap motivasi murid yang semakin berkurang. Hal ini dinyatakan oleh PG2 yang beranggapan tahap motivasi murid pada masa kini tidak seperti murid pada zaman dahulu di mana tahap motivasi mereka untuk menuntut ilmu dan dalam pendidikan sangat tinggi. Perkara inilah yang menjadi faktor utama kejayaan murid-murid dalam peperiksaan.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan murid-murid di sekolah rendah luar bandar ini kurang motivasi dalam pelajaran dan menunjukkan sikap kurang berminat untuk menuntut ilmu pengetahuan. Perkara ini dinyatakan oleh PG4 yang menyatakan semasa sesi PdP dijalankan, murid-murid ini gemar tidur di dalam kelas, berbanding memberi tumpuan sepenuhnya dalam sesi PdP yang dijalankan. Sikap kurang motivasi dalam pelajaran ini telah menyumbang kepada permasalahan literasi membaca Bahasa Melayu.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN KAJIAN

Kajian kualitatif satu kes pelbagai lokasi telah dijalankan untuk (1) meninjau sikap dan motivasi murid rendah pencapaian berdasarkan amalan membaca dan (2) meneroka faktor sikap dan motivasi murid yang mempengaruhi literasi membaca di FELDA. Dapatan kajian telah mendapat bahawa sikap dan motivasi murid menjadi penyumbang terhadap permasalahan literasi membaca dalam kalangan murid rendah pencapaian Bahasa Melayu di FELDA. Faktor sikap dan motivasi murid terhadap pembelajaran merupakan elemen penting untuk membina tabiat dan keupayaan membaca dalam kalangan murid. Namun begitu, murid di FELDA mempunyai sikap kurang menitikberatkan pembelajaran Bahasa Melayu kerana merasakan mereka telah menguasai kemahiran berbahasa dan boleh bertutur dengan baik dalam Bahasa Melayu.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa, terdapat beberapa sikap murid yang mempengaruhi permasalahan literasi membaca. Hasil kajian menunjukkan faktor kerajinan yang ditunjukkan oleh murid, tahap kesyukuran atas nikmat yang diberi, minat murid terhadap buku akademik dan tumpuan serta perhatian murid semasa sesi PdP di dalam kelas sedikit sebanyak mempengaruhi keupayaan pembacaan mereka.

Dari aspek kerajinan, murid rendah pencapaian dilihat mempunyai sikap yang malas. Ini menerusi temu bual yang dikongsi oleh peserta kajian yang menyatakan murid didapati malas, tidak mengambil berat terhadap pembelajaran mereka, tidak mengulang kaji mata pelajaran serta tidak membuat latihan dan tugas yang diberikan oleh guru. Sikap malas ini boleh mendorong kepada ketidakupayaan membaca seterusnya menjadi penghalang utama kepada murid untuk mencapai kejayaan sekali gus dikaitkan dengan faktor permasalahan literasi membaca. Fenomena ini perlu dipandang serius oleh guru kerana tugas berat dan lebih mencabar dalam mendidik anak bangsa akan dilalui jika sikap sebegini terus subur dalam diri murid terlibat. Oleh itu, guru dan ibu bapa haruslah berganding bahu memastikan sikap negatif murid ini dapat dibendung sedari awal. Dapatan ini dengan jelas menunjukkan persamaan dengan pendapat Yahya Othman et. al (2012) iaitu terdapat murid yang malas dan kurang memberikan perhatian terhadap bahan bacaannya.

Selain itu, dapatan kajian turut mendapat sikap kesyukuran dengan nikmat diberi dan minat terhadap buku akademik merupakan antara faktor yang mempengaruhi literasi membaca. Hal ini kerana, pengkaji mendapati murid rendah pencapaian tidak menunjukkan sikap kesyukuran dengan nikmat diberi kerana mereka didapati tidak menghargai ilmu yang diberikan secara percuma. Murid rendah pencapaian juga tidak menunjukkan minat yang mendalam terhadap buku akademik dan kurang meluangkan masa untuk membaca bahan bacaan berbentuk akademik walaupun mereka tahu proses pembacaan menjadi lebih mudah jika mereka menunjukkan minat yang mendalam terhadap bahan bacaan. Dapatan ini adalah selari dengan Dymock (2007) yang menyatakan bahawa kelemahan dalam pemahaman bacaan dipengaruhi oleh faktor sikap murid terhadap aktiviti membaca dan kegagalan menguasai strategi pemahaman bacaan.

Dapatan juga menunjukkan, tumpuan dan perhatian semasa sesi PdP mempengaruhi literasi membaca murid. Pengkaji mendapati murid rendah pencapaian dilihat kurang memberikan perhatian semasa sesi PdP sedang berlangsung. Kurang perhatian bermaksud kegagalan murid untuk memberi tumpuan dan perhatian semasa guru Bahasa Melayu menjalankan sesi pengajaran di dalam bilik darjah. Hal ini menyebabkan mereka menghadapi masalah untuk menguasai kemahiran membaca yang diajarkan oleh guru Bahasa Melayu seterusnya menjelaskan keberkesanan PdP di dalam kelas. Lebih membimbangkan lagi jika sikap negatif ini tidak diatasi dengan segera, ia mampu menjadi penyumbang terhadap permasalahan literasi membaca. Dapatan kajian ini selari dengan Yuill dan Oakhill (1991) dalam kajian faktor penyumbang dalam pemahaman bacaan yang menyatakan sikap dan motivasi terhadap aktiviti membaca, aras kesukaran teks, kekurangan kesedaran meta kognitif, struktur sintaksis, kesedaran dan pengetahuan linguistik serta kerendahan daya kognitif telah menjadi penyumbang utama terhadap permasalahan tersebut. Ini juga adalah selari dengan kajian berkaitan sikap terhadap masalah keciciran yang dilakukan oleh Kamaruddin Hj Kachar (1989).

Selain itu, dapatan kajian turut melihat aspek motivasi terhadap amalan membaca dan pembelajaran murid. Namun, murid rendah pencapaian dilihat kurang bermotivasi dan menunjukkan sikap kurang berminat untuk menuntut ilmu pengetahuan kerana kebanyakan murid luar bandar tidak mempunyai minat untuk belajar tidak seperti murid pada zaman dahulu di mana tahap motivasi mereka untuk menuntut ilmu dan dalam pendidikan sangat tinggi. Tahap motivasi murid didapati semakin berkurang berbanding murid pada zaman dahulu. Murid pada masa zaman dahulu dilihat sangat bermotivasi untuk menuntut ilmu dan hasilnya mereka berjaya dalam peperiksaan, namun perkara ini adalah berbeza dengan situasi murid FELDA pada zaman kini yang dilihat semakin kurang bermotivasi dalam pendidikan.

Tuntasnya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sikap dan motivasi murid terhadap amalan membaca mempengaruhi literasi membaca murid rendah pencapaian Bahasa Melayu di FELDA. Aspek sikap dan motivasi ini dapat dilihat berdasarkan faktor kerajinan murid, kesyukuran dengan nikmat diberi, minat terhadap

buku akademik, tumpuan dan perhatian semasa sesi PdP serta motivasi murid dalam pembelajaran. Kesimpulannya, sikap dan motivasi merupakan pengaruh penting kepada seseorang kerana mencerminkan gambaran keperibadian seseorang individu di mana ia akan bertindak sebagai asbab dan akibat kepada tingkah laku mereka, selari seperti yang dinyatakan oleh Ismail (1990).

Oleh itu, murid yang mempunyai sifat dan motivasi yang negatif akan menyebabkan mereka mempunyai kesamaran dalam cita-cita dan mereka akan memberi pelbagai alasan atas perlakuan yang dilakukan. Ia sama seperti pendapat Tamam Timbang, Zamri Mahamad, Nik Mohd Rahimi Nik Yussoff & Jamaludin Badushah (2010) yang mendapatkan sikap negatif murid iaitu sikap kurang mengambil perhatian semasa pengajaran guru di dalam bilik darjah akan menyebabkan mereka tercicir dari mengikuti pembelajaran yang sempurna seterusnya menjadi punca permasalahan literasi membaca berlaku dalam kalangan murid sekolah rendah luar bandar. Apabila sikap negatif ini tidak diatasi oleh guru, pelbagai masalah berkaitan keberkesanan PdP di dalam bilik darjah akan timbul di mana ia akan menyebabkan permasalahan literasi membaca Bahasa Melayu di FELDA semakin serius.

Justeru itu, beberapa cadangan dikemukakan berdasarkan penemuan kajian ini iaitu memupuk sikap dan motivasi murid yang lebih positif dalam pembelajaran dengan mengadakan lebih banyak siri bengkel dan program motivasi murid di sekolah mahupun luar sekolah serta dorongan dan pemupukan minat oleh guru, ibu bapa serta komuniti setempat. Hal ini kerana, minat dan motivasi sangat penting dalam membina dan memupuk tabiat membaca dalam diri murid kerana minat yang tinggi terhadap aktiviti membaca mampu menjamin kejayaan hidup seseorang. Selain itu kemahiran membaca memerlukan pembelajaran secara berterusan bagi menguasai kepelbagaian huruf dan struktur ayat dalam Bahasa Melayu, justeru minat yang mendalam serta tahap motivasi yang tinggi penting bagi memupuk minat membaca dalam diri murid tersebut.

Namun begitu, kajian ini hanya melibatkan 15 orang peserta kajian yang terdiri daripada murid, guru dan ibu bapa di kawasan luar bandar. Maka, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan terhadap seluruh populasi murid rendah pencapaian, guru dan ibu bapa di FELDA. Justeru, dicadangkan agar suatu kajian yang lebih terperinci dan skop yang lebih luas dicadangkan dilakukan di lokasi sekolah rendah luar bandar di Malaysia dengan melibatkan peserta kajian yang lebih ramai digunakan untuk melihat apakah hasil dapatannya menyamai dapatan yang diperolehi.

RUJUKAN

- Ab. Rahim Bakar (2008). Peranan Sekolah dalam Membantu Pelajar berisiko. Dalam Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (2008). *Memahami Pelajar Berisiko: Ke arah Pembangunan Kerjaya Keusahawanan*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Badlihisham Mohd Nasir, Rozmi Ismail, Syarul Azman Shaharuddin, Mohd Musa Sarip & Ahmad Faqih Ibrahim. (2013). Perkembangan sosio-psikologi dan akhlak remaja Melayu (FELDA): Satu kajian preliminari: 162-183. [Https://Www.Academia.Edu/35790054/Perkembangan_Sosio-Psikologi_Dan_Akhlik_Remaja_Dan_Akhlik_Melayu_Felda_Satu_Kajian_Preliminari.Pdf](https://Www.Academia.Edu/35790054/Perkembangan_Sosio-Psikologi_Dan_Akhlik_Remaja_Dan_Akhlik_Melayu_Felda_Satu_Kajian_Preliminari.Pdf) . Diakses pada 1 Mei 2019
- Dymock, S. (2007). Comprehension Strategy Instruction: Teaching Narrative Text Structure Awareness. *The Reading Teacher*, 161-167
- Mohd Nor, Mariani (2015) *Hubungan sikap dan motivasi dengan Pencapaian bahasa Inggeris murid Sekolah Kebangsaan FELDA Daerah Bera*. Masters thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noraziah Ali, and Noor Zahar Zakaria, and Mohd Azlan Abdullah, (2010) Pembangunan pendidikan dan kelestarian sumber manusia di FELDA. *E-bangi*, 5 (1). 82-93. ISSN 1823-884xz
- Noraini Idris. (2013). Penyelidikan dalam Pendidikan. Malaysia: McGraw - Hill Sdn. Bhd.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), Kementerian Pendidikan Malaysia
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod, Nik Mohd. Rahimi Nik Yussoff & Jamaludin Badushah (2010). Masalah Membaca Murid-murid Sekolah Rendah Kerajaan di Brunei Darussalam: Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2)(2010): 77-85
- Yahya Othman, Aisah Md Daud, Azmey Othman, Dk.Siti Ardiah Pg.Mohiddin & Maszuraimah Muizz Sulaiman (2012). Pelaksanaan pengajaran membaca menggunakan kaedah fonik peringkat prasekolah di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2(1): 93-109.
- Yuill dan Oakhill. (1991). *Children's Problem in Text Comprehension: An Experimental Investigation*. New York, U.S.A. : Cambridge University Press.
- Zaliza Mohamad Nasir and Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014). *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 134. 408 – 415
- Zamri Mahamod. 2004. Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zinitulniza Abdul Kadir. (2011). *Sudut Pandang Muhyidin Yasin*. Institut Terjemahan Negara Malaysia.